

Isu Ambalat tidak halang kerjasama ekonomi – PM

Um- 22/2/2007

JAKARTA 21 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Malaysia dan Indonesia tidak sekali-kali akan membiarkan isu persempadanan kedua-dua negara menjadi halangan bagi membangunkan kerjasama ekonomi yang berpotensi, nyata, dan jauh lebih besar manfaatnya kepada rakyat, baik Malaysia mahupun Indonesia.

Perdana Menteri berkata, isu perbatasan kedua-dua negara, baik di darat mahupun di laut, sedang ditangani oleh jawatankuasa pakar teknikal Malaysia dan Indonesia secara bersama melalui mesyuarat yang sudah berlangsung sembilan kali, dan mesyuarat yang ke-10 dijadualkan berlangsung di Pulau Pinang tidak lama lagi.

“Perbatasan kedua-dua negara, termasuk soal Ambalat di laut Sulawesi sedang dibincang di peringkat teknikal dan semuanya lancar. Tidak perlukan campur tangan pemimpin, baik saya mahupun Presiden Susilo Bambang Yudhoyono,” katanya dalam temu bual eksklusif dengan radio berita 24 jam Elshinta di sini, hari ini.

Pertikaian mengenai perairan Ambalat yang dikatakan kaya dengan minyak dan gas sebelum ini pernah mencetuskan reaksi

keras dan emosional daripada rakyat Indonesia, apabila berlaku tuntutan bertindih antara Malaysia dan Indonesia, dan Abdullah dan Susilo sepakat untuk menyelesaikan isu itu menerusi meja rundingan.

Abdullah berkata, kedua-dua negara berharap hasil rundingan teknikal oleh pakar-pakar merangkumi sempadan laut dan juga darat itu, akan dapat menghasilkan satu persetujuan, yang seterusnya akan membuka jalan kepada kerjasama yang bermanfaat untuk pembangunan ekonomi serta kesejahteraan rakyat Malaysia dan Indonesia.

“Baik saya mahupun Presiden Susilo, kita berharap akan ada satu titik temu (persepakatan), yang akan membuka peluang kepada kita untuk menjalin muafakat yang menguntungkan kedua-dua negara,” katanya.

Abdullah berkata hasil kekerapan beliau dan Susilo saling berhubung melalui telefon mahupun pertemuan yang kerap, baik di Indonesia, di Malaysia mahupun pada persidangan-persidangan antarabangsa, ia membantu kewujudan hubungan yang baik antara mereka, dan merapatkan lagi keakraban kedua-dua negara ketika ini.

Baik saya mahupun Presiden Susilo, kita berharap akan ada satu titik temu (persepakatan), yang akan membuka peluang kepada kita untuk menjalin muafakat yang menguntungkan kedua-dua negara

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Menurut Perdana Menteri dengan berakhirnya isu sempadan ekoran pembabitkan para pakar teknikal itu, wujud rasa lega sekarang di antara Malaysia dan Indonesia, serta tiada lagi kebimbangan mengenai gangguan dalam hubungan antara kedua negara.

“Jadi suasana sekarang ada perasaan senang, perasaan lega, yang membolehkan kita memberi tumpuan kepada kerjasama terutama dalam bidang ekonomi yang sudah pun berjalan baik sekarang,” katanya, yang menambah bahawa pada tahun 2006, Malaysia menjadi pelabur terbesar di Indonesia.

Indonesia meluluskan pelaburan Malaysia berjumlah AS\$2.2 bilion pada tahun 2006, yang menjadikan Malaysia pelabur

terbesar di Indonesia, di luar pelaburan dalam bidang perbankan, minyak dan gas.

Tahun lepas, jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Indonesia berjumlah RM33 bilion dengan import Malaysia dari Indonesia berjumlah RM18.1 bilion dan eksport ke negara berpenduduk 230 juta ini sebanyak RM14.9 bilion.

Abdullah berkata pada pertemuan dua hala dengan Presiden Susilo di Istana Merdeka esok, beliau juga akan memberi tumpuan kepada perbincangan berhubung kerjasama ekonomi, terutama dalam bidang baru seperti minyak dan bahan bakar asli dari kelapa sawit, yang pasaran dunianya dikuasai oleh Malaysia dan Indonesia.

– Bernama